

DATE: 02/05/1983

Mahathir bidas sikap pelajar² pentingkan diri

JITRA 1 Mei - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini membidas sikap pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri termasuk Bangladesh yang hanya memikirkan diri.

Perdana Menteri berkata, ini terbukti hasil dari lawatannya ke tiga buah negara baru-baru ini di mana penuntut-penuntut Malaysia di Bangladesh yang menyambut ketibaannya di lapangan terbang tidak mengucapkan selamat datang sebaliknya meminta beliau mengatasi masalah mereka.

Katanya, "penuntut-penuntut Malaysia di Bangladesh sepatutnya bersyukur kerana biasiswa yang diberi oleh kerajaan lebih tinggi dari gaji guru hingga membolehkan setengah-setengah mereka memakai orang gaji."

Beliau berkecil hati atas sikap penuntut Malaysia di sana yang sepatutnya memberi

LIHAT MUKA 14

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

Mahathir bidas pelajar

selamat datang kepadanya dan rombongannya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan mesyuarat perwakilan UMNO ke-21 bahagian Kubang Pasu di Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim di sini apabila menyentuh lawatannya ke Bangladesh, Pulau Maldives dan Sri Lanka baru-baru ini.

Mengenai lawatannya lagi, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mensifatkan lawatan tersebut sebagai satu pelajaran baginya dan juga kepada negara.

Beliau berkata, rakyat Malaysia sepatutnya bersyukur kerana dikurniakan tanah yang subur dan nikmat-

nikmat oleh Tuhan jika dibandingkan dengan beberapa buah negara.

Katanya, dua dari negara tersebut - Bangladesh dan Pulau Maldives merupakan negara-negara Islam, sementara Sri Lanka cuma 10 peratus penduduknya Islam.

Bagaimanapun, beliau tertarik hati dengan salah sebuah negara iaitu Pulau Maldives, walaupun negara itu mempunyai pulau-pulau yang kecil, tetapi keadaannya bersih dan cantik.

Katanya, ini menunjukkan mereka sanggup berusaha untuk membersihkan kawasan-walaupun dalam keadaan sempit.